

SIARAN AKHBAR

Untuk Kegunaan Segera

8 Julai 2009

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

Mohd Shamil Mohd Yusoff

Tel: +603.8946.0895

Mobile: +6012.249.6938

Email: shamil@cybersecurity.my

Sandra Isnaji

Tel: +603.8946.0867

Mobile: +6012.324.5867

Email: sandra@cybersecurity.my

Azlan @ ThinkerBox Malaysia

Mobile: 012.287.5142

Email: azlan@thinkerbox.my

Hazimin @ ThinkerBox Malaysia

mobile: +6016.676.0297

e-mail: hazimin@thinkerbox.my

CYBERSECURITY MALAYSIA ANJUR SEMINAR KESEDARAN NILAI-NILAI KEKELUARGAAN DAN KESELAMATAN INTERNET

*CyberSecurity Malaysia Anjur Persidangan Fokus Kepada Nilai-Nilai
Kekeluargaan dan Keselamatan Dalam Talian Bagi Memperkasa Ahli
Keluarga Melindungi Diri Mereka*

KUALA LUMPUR, 8 JULAI 2009 (RABU) – CyberSecurity Malaysia, agensi di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) hari ini menganjurkan persidangan mengenai *Kesedaran Keselamatan Internet* bersempena Persidangan dan Pameran Cyber Security Malaysia II SecureAsia@Kuala Lumpur 2009 yang diadakan di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur. Persidangan yang dirasmikan oleh Timbalan Menteri MOSTI, Tuan Haji Fadillah Yusof, telah menarik minat dan mendapat maklum balas yang menggalakkan daripada orang ramai.

Seminar Kesedaran Keselamatan Internet, yang dibuka kepada orang awam, membentangkan trek-trek yang direka khusus untuk ibu bapa, para guru dan kanak-kanak.

Antara tajuk-tajuk pembentangan ialah *Internet dan Anak-Anak Kita: Isu dan Cabaran* oleh Will Gardner, Ketua Pegawai Eksekutif, Childnet, *Ketagihan Internet* oleh Datin Noor Azimah Abd. Rahim, Presiden Kumpulan Bertindak Ibu Bapa Pendidikan Malaysia, *Internet dan Murid Sekolah: Cabaran Yang Dihadapi Guru-Guru* oleh Lok Yim Pheng, Ketua Setiausaha D, Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan (NUTP) dan bermacam lagi tajuk yang dibentangkan oleh wakil-wakil daripada Jabatan Peguam Negara dan FOMCA; serta banyak lagi. Selain seminar, terdapat juga sesi serta acara untuk murid sekolah seperti *GoogleFu* dan Peraduan Melukis CyberSAFE.

CyberSecurity Malaysia
(726630-U)



T +603 8992 6888
F +603 8945 3205

Level 7, Sapura@Mines
No. 7, Jalan Tasik
The Mines Resort City
43300 Seri Kembangan
Selangor Darul Ehsan
Malaysia

www.cybersecurity.my



Securing Our Cyberspace

Sebagai bukti bahawa acara ini relevan untuk semua lapisan masyarakat, penceramah yang diketengahkan termasuk Khadijah Anuwarul Haq, pelajar sekolah menengah dari Sekolah Menengah Kebangsaan Seksyen 5, Wangsa Maju. Khadijah berucap di sesi persidangan untuk Kumpulan Ibu Bapa dan Guru mengenai tajuk '*Internet dan Dunia Kita: Apakah Pengertiannya Kepada Kita*'.

Segmen *Seminar Kesedaran Keselamatan Internet* bertujuan menyedar dan memperkasakan rakyat dengan keupayaan untuk melindungi diri mereka dan keluarga. Memandangkan semakin banyak laporan yang diterima oleh *CyberSecurity Malaysia mengenai insiden yang melibatkan kanak-kanak, gangguan dan penyalahgunaan di laman-laman web rangkaian sosial*, seminar ini amat bertepatan dan dialu-alukan.

“Penganjuran seminar ini memang tepat pada masanya dan kebetulan serentak dengan Hari Telekomunikasi Sedunia tahun ini yang memfokus kepada Keselamatan Internet untuk Kanak-Kanak. Buat julung kalinya di Malaysia, kita juga akan menganjurkan seminar mengenai Internet dan Nilai-Nilai Kekeluargaan. Kita berkeyakinan bahawa langkah pertama untuk melindungi anak-anak kita bermula dengan menyemaikan nilai-nilai kekeluargaan yang murni,” kata Lt. Col. Husin Jazri (Bersara).

“Menghalang kanak-kanak daripada melayari Internet sama sukarnya untuk menyekat langsung mereka daripada menonton TV. Oleh itu adalah lebih baik untuk mendidik serta membimbing mereka supaya ‘panjang akal’ dan pintar melayari alam siber. Langkah bijak ialah mula mendidik anak-anak mengenai keselamatan Internet pada peringkat muda lagi. Sepertimana dalam realiti kehidupan ibu bapa menasihati anak-anak mereka supaya tidak mempercayai orang yang tidak dikenali, begitulah ibu bapa perlu sering mengulangi ungkapan “jangan bercakap dengan orang yang tidak kita kenali,” jelas beliau.

Menurut Husin, cabaran sebenar hari ini ialah mewujudkan kesedaran awam tentang betapa pentingnya keselamatan siber dalam kelangsungan kehidupan harian kita.

“Dengan tidak mematuhi peraturan asas keselamatan bukan sahaja boleh menimbulkan kecurigaan identiti tetapi juga akaun bank, malah terhadap ahli keluarga, keselamatan dan privasi seseorang,” tambah Husin.

“Salah satu misi paling penting MOSTI, ialah mempromosikan R&D dan penggunaan teknologi untuk memperkasa dan meningkatkan kualiti kehidupan *Rakyat*. Kita mahu setiap orang dari semua lapisan masyarakat menggunakan ICT untuk menambah nilai kehidupan mereka – ini bererti semua golongan rakyat hingga kepada individu seperti anda: ibu bapa, guru dan juga murid sekolah,” kata Tuan Hj Fadillah, Timbalan Menteri MOSTI.

Menurut Fadillah, MOSTI mahu memperkasa rakyat dengan ilmu yang membolehkan mereka melindungi perniagaan, harta benda dan keluarga mereka. Beliau yakin pendekatan yang digunakan di persidangan ini mampu meningkatkan tahap kesedaran yang dapat membantu rakyat melindungi keluarga mereka.

“ Kerajaan Malaysia akan melaksanakan apa jua usaha yang perlu bagi memastikan ruang siber Malaysia selamat untuk keluarga. “Akan tetapi, setiap orang perlu sedar bahawa masing-masing ada peranan untuk menjayakan usaha ini bersama– termasuk ahli keluarga,” kata beliau.

“Ibu bapa dan guru juga ada peranan mereka bagi memastikan anak-anak tidak berada dalam keadaan yang memudaratkan semasa melayari internet. Misalnya, ibu bapa perlu mengajar anak-anak ‘pintar Internet’ ini supaya tidak meletakkan maklumat peribadi sensitif yang boleh disalahgunakan oleh pihak-pihak yang berniat jahat. Guru misalnya, perlu mendidik anak-anak supaya bertanggungjawab atas setiap tindakan mereka semasa dalam talian,” jelas Hj. Fadillah dalam ucapan aluan sesi berkenaan.

Lebih daripada 400 peserta hadir di sesi ini yang terdiri daripada ibu bapa, guru dan pelajar sekolah. Persidangan Keselamatan Internet dan Nilai-Nilai Kekeluargaan dianjurkan sempena Persidangan dan Pameran Cyber Security Malaysia II SecureAsia@Kuala Lumpur 2009 yang bermula pada 6 Julai dan berakhir pada 8 Julai.

Persidangan dan Pameran yang merangkumi trek-trek seminar juga bertujuan menimbulkan kesedaran di kalangan orang awam mengenai taktik-taktik jenayah dan ancaman siber terkini.

“Kita perlu memahami bagaimana caranya untuk melindungi diri sendiri, organisasi dan juga kekayaan serta keluarga kita dalam dunia hari ini yang tidak bersempadan,” tambah Husin.

Semalam (7 Julai), Fadillah turut melancarkan pusat khidmat maklum balas dan bantuan insiden siber, Cyber999.

Pusat ini merupakan salah satu daripada projek dalam Rancangan Malaysia Ke 9 (RMK-9). Khidmat maklum balas insiden ini dikenali sebagai Cyber999, selaras dengan inisiatif kerajaan untuk menjadikan angka ‘999’ sebagai nombor panggilan bagi bantuan kecemasan. Justeru itu, sekiranya rakyat Malaysia memerlukan bantuan kecemasan dalam ruang siber pada bila-bila masa, mereka hanya bolehlah melayari ke Cyber999.

Orang ramai boleh menggunakan Pusat Bantuan Cyber999 dengan menghubungi nombor bebas tol 1 300 88 2999 atau melalui emel cyber999@cybersecurity.my. Mereka juga boleh melayari laman web CyberSecurity Malaysia www.cybersecurity.my untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai cyber999. Contoh insiden keselamatan ICT yang boleh dirujuk kepada Pusat Bantuan Cyber999 adalah gangguan sistem, serangan menghalang perkhidmatan, dan cubaan menceroboh.

Cyber Security Malaysia II SecureAsia@Kuala Lumpur merupakan acara dan persidangan keselamatan siber dan ICT terutama di Malaysia yang dianjurkan bersama dengan *International Information Systems Security Certification Consortium* atau ringkasnya (ISC)², iaitu konsortium Piawaian Emas yang diperakui secara global bagi pengiktirafan profesional keselamatan maklumat.

– Tamat –

Mengenai Cyber Security Malaysia II SecureAsia@Kuala Lumpur

Persidangan & Pameran Cyber Security Malaysia II SecureAsia@Kuala Lumpur 2009 ialah acara tahunan serantau yang terulung dalam keselamatan maklumat. Ianya merupakan usahasama antara (ISC)² SecureAsia dan Cyber Security Malaysia dalam mengenengahkan wawasan, arah aliran dan teknologi industry yang terkini kepada semua profesional dalam bidang berkaitan. Untuk maklumat lanjut, sila layari www.informationsecurityasia.com.

Mengenai CyberSecurity Malaysia

CyberSecurity Malaysia merupakan pakar keselamatan siber negara di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI). Perkhidmatan yang disediakan oleh CyberSecurity Malaysia termasuk:

- Forensik Digital / CyberCSI™
- Pasukan Tindakan Kecemasan Komputer Malaysia (Malaysian Computer Emergency Response Team, MyCERT) / Cyber999™
- Pengurusan Keselamatan Siber dan Amalan Terbaik
- Jaminan Keselamatan
- Malaysia Common Criteria Certification Body (MyCB)
- Latihan Keselamatan Siber dan Pensijilan Profesional
- Capaian, Kesedaran dan Tanggungjawab Sosial
- Polisi Keselamatan Siber dan Penyelidikan Perundangan

Untuk maklumat lanjut mengenai CyberSecurity Malaysia, sila layari laman web www.cybersecurity.my. Untuk melapor insiden siber seperti gangguan, penipuan atau pencerobohan kepada pusat perkhidmatan Cyber999™ kami, anda boleh emel kepada cyber999@cybersecurity.my atau hubungi talian bebas toll 1-300-88-2999.

Mengenai (ISC)²

The International Information Systems Security Certification Consortium, Inc. [(ISC)²] is the globally recognized Gold Standard for certifying information security professionals. Celebrating its 20th anniversary, (ISC)² has now certified over 60,000 information security professionals in more than 130 countries. Based in Palm Harbor, Florida, USA, with offices in Washington, D.C., London, Hong Kong and Tokyo, (ISC)² issues the Certified Information Systems Security Professional (CISSP®) and related concentrations, Certified Secure Software Lifecycle Professional (CSSLP^{CM}), Certification and Accreditation Professional (CAP®), and Systems Security Certified Practitioner (SSCP®) credentials to those meeting necessary competency requirements. (ISC)² CISSP and related concentrations, CAP, and the SSCP certifications are among the first information technology credentials to meet the stringent requirements of ANSI/ISO/IEC Standard 17024, a global benchmark for assessing and certifying personnel. (ISC)² also offers a continuing professional education program, a portfolio of education products and services based upon (ISC)²'s CBK®, a compendium of information security topics, and is responsible for the (ISC)² Global Information Security Workforce Study. More information is available at www.isc2.org.

#

© 2009, (ISC)² Inc. (ISC)², CISSP, ISSAP, ISSMP, ISSEP, CAP, SSCP and CBK are registered marks and CSSLP is a service mark of (ISC)², Inc.

Diterbitkan bagi pihak **CyberSecurity Malaysia** oleh firma pakar runding komunikasi ThinkerBox (M) Sdn Bhd. Untuk maklumat lanjut mengenai siaran akhbar/gambar klien-klien kami dan CyberSecurity Malaysia, sila layari www.thinkerbox.my atau hubungi Mohd Shamil Mohd Yusoff dan Sandra Isnaji, CyberSecurity Malaysia (+603.8946.0999 samb. 0895/0867 atau shamil@cybersecurity.my / sandra@cybersecurity.my)

+ + + +

Siaran media ini telah dicetak dikedua-dua belah muka bagi mengurangkan carbon footprint kami. Ini merupakan satu sumbangan kami ke arah usaha preservation dan conservation demi menjaga alam sekitar dan bumi tercinta. Setiap tindakan sekecil mana sekalipun memainkan peranan penting untuk menyelamatkan masa hadapan anak kita.